

BAHAGIAN A
[20 Markah]
[Masa dicadangkan : 30 minit]

Soalan 1 hingga Soalan 3

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



- 1 Sumayyah sedang _____ kain untuk dibuat alas meja ketika Juhi datang ke rumahnya.
A mencucuk
B mengubah
C menyulam
D menggubah

- 2 Kebanyakan murid yang tinggal di kawasan pedalaman berasa _____ setiap kali melihat pihak kesihatan pergigian ke sekolah untuk melakukan pemeriksaan gigi murid.
A gerun
B ganjil
C kekok
D pelik

- 3 “_____, sakitnya perut saya selepas makan jeruk mangga itu!” kata Amirah kepada ibunya.
A Eh
B Cis
C Aduh
D Amboi

Soalan 4 dan Soalan 5

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 4 Ahmad menangisi kematian kedua orang tuanya yang terlibat dalam kemalangan jalan

A

B

C

raya malam tadi. Tiada kesalahan

D

- 5 Pemain bola negara yang lincah itu dikawal ketat oleh pihak lawan setiap kali dia

A

B

menerima hantaran bola daripada pemain sepasukan. Tiada kesalahan

C

D

Soalan 6 dan Soalan 7

Pilih ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 6 I Mereka *lalu* kawasan perkuburan untuk sampai ke kampung tersebut.

II Gadis itu kelihatan *lalu* apabila diusik oleh sekumpulan anak muda.

III Aminah masuk ke bilik *lalu* menutup pintu sebelum dia tidur.

IV Ibu saya tidak *lalu* makan kerana dia sudah seminggu demam.

A I dan II sahaja

B III dan IV sahaja

C I, II dan III sahaja

D II, III dan IV sahaja

- 7 I Shuib meniti *jalan* tersebut untuk menyeberangi sungai itu.

II kerja-kerja pembaikan jambatan itu akan *jalan* pada bulan hadapan.

III Kita harus mencari *jalan* untuk menyelesaikan masalah tanah pusaka itu.

IV *Jalan* yang menghubungkan kawasan bandar dengan kawasan pedalaman itu berlubang-lubang dan sangat berbahaya.

A I dan II sahaja

B III dan IV sahaja

C I, II dan III sahaja

D II, III dan IV sahaja

Soalan 8 dan Soalan 9

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 8 Pihak tuan rumah berharap agar kedatangan tetamu akan memeriahkan lagi majlis tersebut.
- A memeriah majlis tersebut lagi
 - B memeriah lagi majlis tersebut
 - C memeriahkan majlis tersebut
 - D memeriahkan lagi majlis tersebut
- 9 Bendera-bendera berkibaran di kawasan sekolah kami sempena menyambut Bulan Kemerdekaan.
- A Bendera-bendera berkibar
 - B Bendera-bendera berkibar-kibaran
 - C Bendera-bendera berkibar-kibar
 - D Bendera-bendera berkibaran

Soalan 10 dan Soalan 11

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 10 I Sultan marah apabila rakyatnya malas berusaha sehingga ketinggalan dalam bidang ekonomi.
- II Ibu tua itu meratapi kematian anak lelakinya di dalam kemalangan jalan raya.
- III Longgokan sampah di tepi jalan itu bertaburan kerana diselongkar anjing liar yang mencari makanan.
- IV Kerugian akibat kebakaran bangunan tersebut ditaksirkan puluhan ribu ringgit.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja

- 11 I Izzati tekun mendengar penerangan daripada Cikgu Azura dalam kelas.
II Sari Yanti menelaah pelajaran di perpustakaan sekolah.
III Aizat nyaris terlanggar sekumpulan kanak-kanak yang menunggang basikal lajak dalam keadaan berbahaya.
IV Perompak itu mati ditembak oleh polis ketika cuba merompak sebuah bank di ibu kota.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 12 dan Soalan 13

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 12 **Filem-filem import banyak mengetengahkan unsur negatif yang boleh merosakkan akhlak remaja.**
- A Akhlak remaja dirosakkan dalam filem-filem import yang banyak mengetengahkan unsur-unsur negatif.
B Filem-filem import menonjolkan kerosakan akhlak remaja seperti mengetengahkan unsur negatif.
C Remaja yang rosak akhlak banyak mengetengahkan unsur negatif dalam filem-filem import.
D Unsur negatif yang boleh merosakkan akhlak remaja banyak diketengahkan dalam filem-filem import.
- 13 **Kes pembunuhan model terkenal itu sedang disiasat oleh pihak polis.**
- A Kes pembunuhan itu sedang pihak polis siasat model terkenal.
B Pihak polis sedang menyiasat kes pembunuhan model terkenal itu.
C Model terkenal itu disiasat oleh pihak polis atas tuduhan kes pembunuhan.
D Pihak polis sedang menyiasat model terkenal itu berkaitan kes pembunuhan.

Soalan 14 dan Soalan 15

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 14 Pemilik syarikat penerbitan itu tidak disukai oleh para pekerja kerana bermulut becok. Keadaan ini diumpamakan seperti peribahasa
- A bagai murai dicabut ekor.
 - B sebab budi boleh kedapatan.
 - C rosak bawang ditimpa jambak.
 - D bagaikan helang hendak menerkam tikus.
- 15 Pembangunan pesat ekonomi negara menjadikan Malaysia sudah mampu bersaing dengan negara maju yang lain ibarat _____.
- A ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni.
 - B hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.
 - C mencegah lebih baik daripada mengubati.
 - D duduk sama rendah berdiri sama tinggi.

Soalan 16 hingga 20

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

“Kau nak hadiahkan apa, Aliza?” tanya Hamidah.

“Hamidah, aku akan hadiahkan kain tenun sutera kepada Cikgu Azimah.”

“Eh, kautiru aku! Kau bagilah kepada guru lain,” kata Hamidah. Dia marah dan geram kerana Aliza akan memberikan hadiah kepada guru kesayangannya.

“Cikgu Azimah bukan guru kau seorang. Aku pun sayang akan Cikgu Azimah.”

“Yalah ...betul kata Aliza tu,” kata Rashid. Semua orang memandang Rashid yang baru datang ke kelas.

“Kau nak hadiahkan apa dan kepada cikgu mana?” tanya Hamidah kepada Rashid.

“Aku akan menyuruh abang Rahim membuat model masjid daripada kayu-kayu yang bermutu tinggi,” kata Rashid dengan megahnya. Pada matanya terbayang sebuah model masjid yang cantik dan berkilat.

“Kau nak berikan benda itu kepada siapa?” tanya Zaiton.

“Kepada Cikgu Firdauslah. Bukankah dia akan berkahwin pada bulan depan?” kata Rashid dengan yakin.

“Masjid bukannya lambang pernikahan yang diberkati dan direstui,” jawab Rashid pula.

(Dipetik daripada cerpen *Hadiah*,
Antologi *Kuingin Berterima Kasih* Tingkatan 1,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- 16 Hamidah marah dan geram akan rakan sekelasnya Aliza kerana
- A Aliza dan rakan-rakan sekelasnya memperlekeh guru kesayangannya.
 - B Aliza mentertawakan hadiah yang akan diberikan kepada Cikgu Azimah.
 - C Aliza akan memberikan hadiah kepada guru kesayangannya, Cikgu Azimah.
 - D Aliza meniru hadiah yang akan diberikan kepada guru kesayangannya, Cikgu Azimah.
- 17 Apakah hadiah yang akan diberikan oleh Rashid kepada Cikgu Firdaus?
- A Pasu bunga
 - B Kain tenun
 - C Tuala muka
 - D Model masjid

“Kau nak berikan benda itu kepada siapa?” tanya Zaiton.

- 18 Gaya bahasa yang terdapat dalam petikan di atas ialah
- A simile.
 - B sinkope.
 - C personifikasi.
 - D Metafora.
- 19 Antara yang berikut, pengajaran manakah berkait dengan cerpen di atas?
- A Kita hendaklah menghargai orang yang telah banyak berjasa kepada kita.
 - B Kita mestilah menyayangi orang yang ada pertalian darah dengan kita.
 - C Kita perlulah berani membuat keputusan untuk memperbaiki diri.
 - D Kita hendaklah memberi kasih sayang kepada haiwan peliharaan.
- 20 Pada pendapat anda, bagaimanakah cara menghargai guru?
- I Sentiasa disayangi dan dirahmati kehidupannya
 - II Berjaya dalam pelajaran dan kerjaya yang diceburi
 - III Menghormati guru ketika mereka sedang mengajar
 - IV Menziarahi guru yang sakit di hospital atau di rumah
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

BAHAGIAN B

Soalan 1 dan Soalan 2: Sistem Bahasa

[5 markah]

1 *Kenal pasti perkataan yang bergaris dalam ayat di bawah sama ada imbuhan awalan atau akhiran.*

(i) Ravindran telah terpilih sebagai olahragawan bagi tahun 2020.

(ii) Chinta dan rakan karibnya, Danille berada di Paris selama dua minggu.

[2 markah]

2 *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Ketua kampung telah bersetuju untuk mengadakan gotong royong pada hujung minggu ini.

(ii) Makanan yang mengandungi kolestrol tinggi perlu dielakkan bagi menjamin kesihatan.

(iii) Warong Pak Leman menjadi tumpuan ramai yang ingin merasai keenakan nasi lemaknya.

[3 markah]

SOALAN 3: PEMAHAMAN PETIKAN

Baca petikan-petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Petikan 1

Petang itu, dia pulang dari pejabat agak lewat daripada biasa. Sedang dia memandu keretanya di jalan taman perumahannya, tiba-tiba dia berasa bahawa dia melanggar sesuatu. Kemudian dia memberhentikan keretanya untuk meninjau benda yang dilanggarnya itu. Dia hanya mampu mengucap apabila seekor kucing terlantar mati di bawah tayar keretanya. Namun, hatinya lebih tersentuh apabila datang seekor anak kucing mengiau-ngiau di hadapan kucing yang tidak bernyawa itu. “Mungkin ibunya,” detik hatinya.

Petang itu, dia pulang bersama-sama dengan seekor anak kucing jantan dan yang paling gembira menyambut kepulangan dia ialah Anis. Cepat-cepat anak bongsunya itu mendukung anak kucing tersebut sambil bertanya, “Apakah namanya?” Dengan spontan dia menjawab, “Oren”. Nama itu diberikan kerana seluruh bulu kucing itu berwarna oren.

(Dipetik daripada cerpen *Oren*,
antologi *Kuingin Berterima Kasih* Tingkatan 1,

Petikan 2

Pada suatu hari, seorang pemuda Arab masuk ke dalam sebuah kebun milik seorang lelaki keturunan Ansar. Lalu dia terlihat seekor unta yang sedang merintih kesakitan sehingga air mata unta itu mengalir. Pemuda itu segera mendekati unta dan mengusap lembut bahagian belakang telinga sehingga unta itu diam dan tenang. Kemudian pemuda itu bertanya dengan nada yang tegas dan keras: “Siapakah pemilik unta ini?” Maka dijawab jujur oleh seorang lelaki di kebun itu, “Sayalah pemilik unta ini.”

Pemuda itu kelihatan tenang lalu menegur pemilik unta dengan berhemah meskipun marah dengan tindakan pemilik unta terhadap binatang peliharaannya, “Tidakkah kamu takut kepada Tuhan sehingga kamu memperlakukan binatang yang Dia berikan kepada kamu? Perutnya kamu laparkan, tubuhnya kamu letihkan dengan kerja paksa yang tiada henti dan di luar kemampuannya.”

(Dipetik daripada *Santuni Binatang Amalan Mulia*,

- 1 Berdasarkan Petikan 1 dan Petikan 2, nyatakan tindakan 'dia' dan 'pemuda itu' untuk menyelesaikan masalah yang boleh anda contohi. [3 markah]

- 2 Nyatakan **dua** nilai yang sama yang terdapat dalam kedua-dua petikan tersebut. [3 markah]

- 3 Perbuatan menzalimi binatang dewasa ini semakin berleluasa yang dilaporkan dalam media massa dan media sosial.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk memupuk kesedaran dalam masyarakat agar berlaku ihsan pada binatang? [4 markah]
